

21 JUL 1998

Komanwel-Pembukaan

UPACARA PERASMIAN YANG GILANG GEMILANG

MELAKA, 21 Julai (Bernama) -- Rakyat negara ini serta luar negara akan menyaksikan upacara perasmian Sukan Komanwel ke-16 pada 11 September ini secara gilang gemilang yang dijayakan oleh 13,000 tenaga, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar akan merasmikan pembukaannya - pertama kali dalam sejarah sukan itu Ketua Negara sendiri dan bukannya Ratu England sebagaimana lazimnya.

"Ada elemen kekaguman pada upacara pembukaan dan oleh itu sila datang ke Stadium Nasional di Bukit Jalil untuk menyaksikannya, " kata Muhyiddin sewaktu memberi taklimat mengenai Sukan Kuala Lumpur '98 di sebuah hotel terkemuka di sini, malam tadi.

Upacara perasmian sukan itu akan disiarkan secara langsung kepada beberapa buah negara dan dijangka lebih 500 juta penonton akan menyaksikannya di kaca televisyen.

"Perasmian itu penting dibuat secara gemilang kerana ia sebagai pembuka jendela untuk menilai kemeriahan sukan itu nanti, " katanya.

Katanya, lebih 3,000 peserta akan menyertai acara kebudayaan pada majlis pembukaan itu, 5,000 ditempatkan sebagai pemegang kad manakala selebihnya tenaga pembantu bagi menjayakan perasmian.

Pra-pertunjukan pembukaan sukan itu akan bermula jam 5 petang manakala upacara pembukaannya akan berlangsung jam 8 malam sehingga kira-kira pukul 11 atau 12 tengah malam.

Bagaimanapun, menurut Muhyiddin satu penting pada pembukaan itu kelak ialah setiap ruang stadium itu perlu diisi oleh para penonton kerana faktor kejayaan malam itu juga bergantung pada stadium yang penuh sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata faedah menganjuran sukan kedua terbesar di dunia itu harus dilihat pada jangkamasa panjang kerana ia akan membuka ruang kepada negara menganjurkan sukan lain yang berprestij.

"Oleh itu kejayaan mengelolaknya akan meletakkan Malaysia mencapai tahap negara cemerlang dan peluang terbaik bagi kita membuktikannya kepada dunia, " katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin serta pemimpin-pemimpin masyarakat.

-- BERNAMA

NO ZB